



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH  
Dokumen Penjajaran Kurikulum**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF  
TINGKATAN 4 & 5**

**EDISI 2**



## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

**Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**  
Timbalan Pengarah Kanan  
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
<b>APRESIASI SASTERA</b>			
1.1 Mengenali pengarang dan memahami jenis, ciri dan fungsi kesusasteraan Melayu.	1.1.1 Menyatakan biodata pengarang, karya dan sumbangan pengarang dalam bidang kesusasteraan. 1.1.2 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi puisi tradisional. 1.1.3 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi puisi moden. 1.1.4 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi prosa tradisional. 1.1.5 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi prosa moden. 1.1.6 Membanding dan membezakan puisi tradisional dengan puisi moden dan prosa tradisional dengan prosa moden.		

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
1.2 Mengenali dan memahami elemen sastera.	<p>1.2.1 Mengenali dan memahami puisi tradisional (pantun, syair, gurindam, seloka).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengkaji bentuk.</li> <li>ii) Membaca, memahami dan menerangkan maksud.</li> <li>iii) Membaca, memahami dan menerangkan tema dan persoalan.</li> <li>iv) Menganalisis gaya bahasa.</li> <li>v) Membincangkan nilai.</li> <li>vi) Menghuraikan pengajaran.</li> </ul> <p>1.2.2 Mengenali dan memahami puisi moden (sajak).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengkaji bentuk</li> <li>ii) Membaca, memahami dan menerangkan maksud.</li> <li>iii) Membaca, memahami dan menerangkan tema dan persoalan.</li> <li>iv) Menganalisis gaya bahasa.</li> <li>v) Menganalisis nada.</li> </ul>		

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
	vi) Membincangkan nilai. vii) Menghuraikan pengajaran.		
1.2.3 Mengenali dan memahami prosa tradisional (karya klasik).	i) Membaca, memahami dan menyatakan sinopsis. ii) Menerangkan tema dan persoalan. iii) Membincangkan watak dan perwatakan. iv) Menyatakan latar masa, tempat dan masyarakat. v) Menerangkan binaan plot. vi) Menghuraikan teknik plot. vii) Membincangkan nilai. viii) Menghuraikan pengajaran.		

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
1.2.4 Mengenali dan memahami prosa moden (novel, cerpen, drama). i) Membaca, memahami dan menyatakan sinopsis. ii) Menerangkan tema dan persoalan (novel dan cerpen). iii) Menerangkan pemikiran dan persoalan (drama). iv) Membincangkan watak dan perwatakan. v) Menyatakan latar masa, tempat dan masyarakat. vi) Menerangkan binaan plot vii) Menghuraikan teknik plot. viii) Menganalisis gaya bahasa. ix) Menganalisis sudut pandangan. x) Membincangkan nilai. xi) Menghuraikan pengajaran.			

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
1.3 Membuat kritikan sastera.	1.3.1 Menjelaskan maksud kritikan sastera. 1.3.2 Memberikan pandangan, sanjungan dan saranan terhadap karya yang dibaca.		
<b>PEMBANGUNAN INSAN</b>			
2.1 Mengenal pasti dan membincangkan elemen sahsiah dalam karya yang dibaca dan dikaji.	2.1.1 Mengenal pasti dan membincangkan unsur keagamaan yang terdapat dalam karya sebagai ciri-ciri pembentukan sahsiah diri yang mulia. 2.1.2 Mengenal pasti dan membincangkan keperibadian unggul watak yang terdapat dalam karya sebagai ciri-ciri jati diri. 2.1.3 Mengenal pasti dan membincangkan pola fikir sesuatu watak yang terdapat		

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
	dalam karya sebagai ciri-ciri individu yang berfikiran positif.		
2.2 Mengenal pasti dan membincangkan isu masyarakat dalam karya yang dibaca dan dikaji.	<p>2.2.1 Mengenal pasti dan membincangkan isu masyarakat yang terdapat dalam karya dan kepentingannya terhadap kesejahteraan hidup bermasyarakat.</p> <p>2.2.2 Mengenal pasti dan membincangkan citra masyarakat dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan masyarakat yang harmonis.</p>		
2.3 Mengenal pasti dan membincangkan isu kenegaraan dalam karya yang dibaca dan dikaji.	2.3.1 Mengenal pasti dan membincangkan unsur patriotisme dalam karya dan menghubungkaitkannya sebagai asas pembangunan negara bangsa.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	2.3.2 Mengenal pasti dan membincangkan ciri-ciri kepemimpinan yang terdapat dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembentukan negara yang mapan.		
<b>PENGKARYAAN</b>			
3.1 Menghasilkan karya.	3.1.1 Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya adaptasi atau karya yang diolah yang menepati ciri-ciri penulisan.		
	3.1.2 Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya asli yang menepati ciri-ciri penulisan puisi.		
3.2 Mempersembahkan hasil karya.	3.2.1 Mempersembahkan karya adaptasi atau karya yang diolah dalam pelbagai bentuk atau media.		

<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran (SP)</b>		
	<b>Kandungan Asas</b>	<b>Kandungan Tambahan</b>	<b>Kandungan Pelengkap</b>
3.2.2 Mempersembahkan karya asli dalam pelbagai bentuk atau media.			

Nota:

1. Pemilihan sesuatu genre semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) bergantung kepada pemilihan standard pembelajaran (SP) yang digunakan dalam PdP tersebut.
2. PdP KMK juga perlu melibatkan ketiga-tiga bahagian iaitu Apriasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan
3. Guru boleh mengulangi SP yang sama mengikut kesesuaian genre ketika murid berada di Tingkatan 5.



**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**